

Lembaran Maklumat Produk

Kad Kredit Alliance Bank

Nota: Salinan Lembaran Maklumat Produk ini juga boleh didapati di <https://www.alliancebank.com.my>
REF: PDS/BM/001/AUG2024

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK		Alliance Bank Malaysia Berhad (ABMB) Alliance Bank Kad Kredit Tarikh: 22 Ogos 2024
<p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Kredit Alliance Bank Malaysia Berhad ("Alliance Bank"). Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat Am.</p>		
1. Apakah produk ini?		
<p>• Kad Kredit Alliance Bank ("Kad") adalah kemudahan tanpa cagaran di mana had kredit diberikan oleh Alliance Bank kepada anda. Sekiranya anda menggunakan kredit ini dan tidak menyelesaikan bayaran secara penuh pada ataupun sebelum tempoh yang ditetapkan, maka baki tertunggak tersebut akan dikenakan caj kewangan.</p>		
2. Apakah yang dapat saya perolehi daripada produk ini?		
<p>• Anda akan diberikan had kredit yang ditentukan oleh Alliance Bank, berdasarkan pendapatan dan jenis Kad Kredit yang anda pohon.</p> <p>• Caj Kewangan:</p>		
Pembelian Runcit (Kadar % setahun)	Semua Kad Kredit Alliance Bank	<p>Peringkat 1 – 15% setahun: Ahli Kad yang bayar sekurang-kurangnya bayaran minimum yang perlu dibayar tepat pada masanya dalam tempoh 12 bulan berturutan.</p> <p>Peringkat 2 – 17% setahun: Ahli Kad yang bayar sekurang-kurangnya bayaran minimum yang perlu dibayar tepat pada masanya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam tempoh 12 bulan berturutan.</p> <p>Peringkat 3 – 18% setahun: Ahli Kad Kredit yang tidak ditetapi dalam kategori atas.</p> <p>Bagi menikmati caj kewangan ke atas pembelian runcit yang lebih rendah, Ahli Kad perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran tepat pada masanya dalam tempoh 12 bulan yang berturutan.</p>
	Kad Kredit Kadar You:nique	<p>9% setahun: Ahli Kad yang bayar sekurang-kurangnya bayaran minimum yang perlu dibayar tepat pada masanya dalam tempoh 12 bulan berturutan akan menikmati kadar faedah 9% setahun.</p> <p>Kadar faedah berperingkat BNM akan dikenakan pada Ahli Kad yang tidak memenuhi syarat di atas.</p>
Pendahuluan Tunai		<p>Caj kewangan untuk pengeluaran tunai ialah 18% setahun berdasarkan amaun tertunggak tidak termasuk caj penalti bayaran lewat dan cukai yang dikira setiap hari dari had kredit yang ditetapkan untuk Ahli Kad dan tertakluk kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> Had pengeluaran harian yang dikenakan oleh mana-mana ATM Alliance Bank atau mana-mana bank atau institusi lain di mana Alliance Bank mempunyai persetujuan untuk penggunaan ATM di bank atau institusi tersebut dalam kes pengeluaran tunai melalui ATM; dan Pengeluaran tunai pada bila-bila masa tidak menyebabkan obligasi agregat baki tertunggak Ahli Kad kepada Bank berkenaan melebihi had kredit Ahli Kad yang telah ditetapkan. <p>Nota: Untuk Kad Business Platinum (Kod Produk: 590 sahaja), sehingga 75% daripada had Ahli Kad yang dinyatakan.</p>
Pemindahan Baki/ Tunai Segera		<p>Ahli Kad hendaklah membuat bayaran minimum 5% daripada jumlah tertunggak bulanan atau RM50, yang mana lebih tinggi.</p> <p>Sekiranya bayaran tidak diterima sepenuhnya atau sebelum tarikh genap pembayaran, caj kewangan lazim sebanyak 18% setahun akan dikenakan bagi baki tertunggak bulanan yang selebihnya, dari tarikh genap pembayaran sehingga tarikh penyelesaian penuh.</p>
<p>• Pulangan Tunai</p> <p>Program Pulangan Tunai Alliance Bank Malaysia Berhad ("Program Pulangan Tunai") adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ("Terma Program") berikut dan Perjanjian Pemegang Kad.</p> <ol style="list-style-type: none"> Program Pulangan Tunai hanya sah untuk Alliance Bank Visa Signature, Rebat You:nique dan Business Platinum (Kod Produk: 590 sahaja) Kad Kredit sahaja. Program Pulangan Tunai memberikan Pulangan Tunai ("Pulangan Tunai") kepada Ahli Kad bagi pembelian runcit (kecuali Pelan Pembayaran Ansuran (IPP), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, Tunai Segera, Fi dan Caj seperti Caj Kewangan, Caj Lewat, Yuran Tahunan yang dikenakan oleh Bank, Transaksi Berbalik, Dipertikaikan Terbahagi dan/atau Tidak Sah) yang dicatatkan dalam sistem pihak Bank pada kadar dan/atau tahap yang ditentukan oleh Bank. Kadar dan peringkat Pulangan Tunai yang berikut adalah sah untuk julat ("Julat") pembelian bulanan Ahli Kad masing-masing bagi setiap kitaran penyata. Untuk mengelakkan keraguan, kelayakan Pulangan Tunai bagi setiap kitaran penyata akan ditentukan berdasarkan tarikh pengeposan transaksi yang dibuat ke dalam Akaun Kad Kredit. 		

- d) Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Kredit Utama di dalam Penyata Akaun pada bulan seterusnya berdasarkan pembelian yang ditanggungkan oleh Ahli Kad Utama dan/atau Ahli Kad Tambahan. Jika Ahli Kad gagal membuat bayaran minimum yang perlu dibayar sebelum Tarikh Matang seperti yang dinyatakan dalam Penyata Akaun bulan sebelumnya, Pulangan Tunai yang diperoleh untuk bulan semasa tidak akan diposkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad Utama.
- e) Untuk layak mendapat Pulangan Tunai, Kad Kredit mestilah pada setiap masa (i) sah, dalam kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar Terma Program; dan (ii) tidak boleh ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah buruk yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditentukan oleh ABMB untuk layak mendapat Pulangan Tunai.
- f) Pulangan Tunai tidak akan diberikan ke atas pembelian runcit RM300,001 dan ke atas untuk Kad Kredit Business Platinum Alliance Bank (Kod Produk: 590 sahaja).

Rebat You:nique		
Peringkat	Kadar Pulangan Tunai	Julat (RM)
1	0%	0-1,000
2	1.20%	1,001- 2,000
3	3.00%	2,001 – 3,000
4	0.30%	3,000 ke atas

Business Platinum (Kod Produk: 590 sahaja)		
Peringkat	Kadar Pulangan Tunai	Julat (RM)
1	0.20%	0-15,000
2	0.50%	15,001- 100,000
3	0.80%	100,001 – 200,000
4	1.25%	200,001 – 300,000

Visa Signature		
Peringkat	Kadar Pulangan Tunai	Julat (RM)
1	0.05%	1-1,000
2	0.5%	1,001- 2,000
3	5.0%	2,001 – 3,000
4	0.25%	3,000 ke atas

Visa Signature Alliance Privilege			
Peringkat	Kadar Pulangan Tunai Tambahan	Purata Tahunan Aset Di Bawah Pengurusan (RM)	Had Kadar Pulangan Tunai Tambahan
1	0.5%	300,000 ke atas	RM800
2	1.0%	500,000 ke atas	RM1,600
3	2.0%	RM1 juta ke atas	RM3,200
4	3.0%	RM3 juta ke atas	RM4,800

- g) Pulangan Tunai Tambahan akan dikreditkan ke dalam Kad Kredit Visa Signature Alliance Privilege yang sah tertakluk kepada memenuhi syarat perbelanjaan runcit minimum sebanyak RM120,000 setahun. Pulangan Tunai Tambahan diberikan kepada Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege yang sah secara berperingkat berdasarkan jumlah purata tahunan Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") berdasarkan jadual di atas. Ahli Kad Visa Signature Alliance Privilege dikehendaki mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Perbelanjaan runcit minimum sebanyak RM120,000 setahun ditakrifkan sebagai perbelanjaan runcit terkumpul dalam tempoh 12 bulan setelah selesai tahun kalendar dan merujuk kepada jumlah perbelanjaan runcit kedua-dua kad utama dan tambahan Visa Signature Alliance Privilege. Pulangan Tunai Tambahan akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Utama yang sah pada bulan berikutnya, setelah selesai tahun kalendar.

Gambaran Pulangan Tunai Tambahan

Contoh 1 - Pelanggan ialah pelanggan Alliance Privilege sedia ada yang memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM dan mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Perbelanjaan runcit pelanggan ialah RM120,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	1.0juta	1.5juta	1.5juta	1.5juta	1.5juta	2.0juta	2.5juta	2.5 juta	2.5juta	2.5juta	2.7juta	2.9juta

Purata tahunan AUM	RM 2,050,000
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	2.0%
Perbelanjaan runcit setahun	RM 120,000
Pulangan Tunai Tambahan	RM 2,400

Contoh 2 - Pelanggan ialah pelanggan Alliance Privilege baru dalam bulan September yang memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM dan mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Perbelanjaan runcit pelanggan ialah RM200,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	-	-	-	-	-	-	-	-	300,000	500,000	800,000	1.1juta

Purata tahunan AUM	RM 675,000
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	1.0%
Perbelanjaan runcit setahun	RM 200,000
Pulangan Tunai Tambahan	RM 1,600

Contoh 3 - Pelanggan ialah pelanggan Alliance Privilege sedia ada yang yang memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM tetapi tidak mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Perbelanjaan runcit pelanggan ialah RM300,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	1.0juta	1.0juta	1.0 juta	1.0juta	1.0juta	1.0juta	1.0juta	1.0 juta	1.0juta	1.0juta	-	-

Purata tahunan AUM	RM 833,333
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	1.0%
Perbelanjaan runcit setahun	RM 300,000
Pulangan Tunai Tambahan	Tiada

Contoh 4 - Pelanggan ialah pelanggan Alliance Privilege sedia ada yang yang tidak memenuhi syarat minimum purata tahunan AUM tetapi mengekalkan baki AUM setelah selesai tahun kalendar. Perbelanjaan runcit pelanggan ialah RM150,000 setahun.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Jumlah AUM / RM	200,000	1.0juta	300,000	500,000	50,000	300,000	20,000	30,000	500,000	25,000	20,000	350,000

Purata tahunan AUM	RM 274,583
Kadar Pulangan Tunai Tambahan	Tiada
Perbelanjaan runcit setahun	RM 150,000
Pulangan Tunai Tambahan	Tiada

- h) Pulangan Tunai tidak boleh dipindahmilik dan ditukar kepada wang tunai.
- i) Alliance Bank berhak untuk mengubah, menambah atau membatalkan Terma Program Pulangan Tunai yang terkandung di sini pada bila-bila masa dengan memberi notis terdahulu kepada Ahli Kad dan/atau untuk tidak meneruskan atau membatalkan Program Pulangan Tunai mengikut budi bicara Alliance Bank.
- j) Terma Program Pulangan Tunai harus dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad.

• Timeless Bonus Points (TBP)

Ganjaran Alliance Bank ("Bank") untuk Kad Alliance Klasik, Emas, Visa Platinum, MasterCard Platinum, Visa Infinite dan You:nique Rewards ("Program Rewards") tertakluk pada Terma dan Syarat berikut ("Terma Program Rewards"). Terma Program Rewards yang terkandung perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Timeless Rewards dan Perjanjian Kad Visa/MasterCard Alliance Bank.

- a) Program Reward adalah terpakai untuk Kad Kredit Klasik, Gold, Visa Platinum, MasterCard Platinum, Visa Infinite dan You:nique Generik (bukan jenama bersama) Alliance Bank ("Kad") sahaja.
- b) Program Reward menyediakan Ahli Kad ganjaran Timeless Bonus Point ("TBP") bagi pembelian runcit (kecuali Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, Tunai Segera, Fi dan Caj seperti Caj Kewangan, Caj Lewat, Yuran Tahunan yang dikenakan oleh Bank, Transaksi Berbalik, Dipertikaikan Terbahagi dan/atau Tidak Sah) pada kadar dan/atau tahap yang ditentukan oleh Bank. Bagi mengelakkan keraguan, pemberian TBP bagi setiap kitaran penyata akan ditentukan berdasarkan tarikh pengeposan transaksi yang dibuat ke dalam Akaun Kad Kredit.
- c) TBP diberikan bagi transaksi setiap Ringgit Malaysia iaitu RM1 = 1TBP. TBP yang diperolehi akan dibundarkan ke bawah kepada sepuluh terdekat seperti yang digambarkan di bawah. TBP minimum yang akan diposkan ke dalam Akaun Kad Kredit Pemegang Kad dalam setiap kitaran penyata ialah 10TBP.

	Contoh 1	Contoh 2	Contoh 3	Contoh 4
Jumlah TBP yang diperolehi dalam kitaran penyata	1,288	115	1,054	8
Jumlah TBP yang diposkan ke dalam penyata kad kredit	1,280	110	1,050	0

- d) TBP tidak akan diberikan untuk Petrol dan transaksi oleh Agensi kerajaan.
- e) TBP akan dikira berdasarkan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kedua-dua Ahli Kad Utama dan/atau Tambahan dan akan akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Ahli Kad Utama pada Penyata Akaun bulan berikutnya dan berdasarkan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kedua-dua Ahli Kad Utama dan/ atau Tambahan. Jika Ahli Kad gagal membuat bayaran minimum yang perlu dibayar sebelum Tarikh Matang seperti yang dinyatakan dalam Penyata Akaun bulan sebelumnya, TBP yang diperolehi untuk bulan semasa tidak akan diposkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad Utama.
- f) Untuk layak mendapat Timeless Bonus Points (TBP), Kad Kredit mestilah pada setiap masa (i) sah, dalam kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar Terma Program Rewards; dan (ii) tidak boleh ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah buruk yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditentukan oleh ABMB untuk layak mendapat Timeless Bonus Points..
- g) TBP tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
- h) Alliance Bank berhak untuk mengubah, menambah atau menghapuskan terma Program Reward yang terkandung pada bila-bila masa dengan notis awal kepada Ahli Kad dan/atau untuk menamatkan atau membatalkan Program Reward mengikut budi bicaranya.

• Butiran Program Ganjaran Visa Infinite and Visa Platinum akan disemak seperti berikut:

Jenis Kad	Program Ganjaran	Kategori
Visa Infinite	8x TBP	eDagang ¹
	8x TBP	eWallet ²
	5x TBP	Transaksi Luar Negara, Pembelian Barangan Runcit & Makanan
	1x TBP	Hiburan, Auto-Bill, Pembayaran Tanpa Kad & Perbelanjaan Runcit Lain

Jenis Kad	Program Ganjaran	Kategori
Visa Platinum	8x TBP	eDagang ¹
	8x TBP	eWallet ²
	3x TBP	Transaksi Luar Negara & Makanan
	1x TBP	Hiburan, Auto-Bill, Pembayaran Tanpa Kad & Perbelanjaan Runcit Lain

Nota Penting

- Transaksi eDagang ditakrifkan sebagai transaksi yang dibuat melalui Internet di mana Pedagang adalah pedagang eDagang/dalam talian/Internet berdasarkan 'POS Condition Code 59'. Bagi eDagang, sebarang amaun perbelanjaan melebihi RM3,000 pada setiap kitaran penyata, anda akan memperoleh 1X TBP untuk setiap RM1 transaksi.
- Bagi eWallet, sebarang amaun perbelanjaan melebihi RM3,000 pada setiap kitaran penyata, anda akan memperoleh 1X TBP untuk setiap RM1 transaksi.
- Untuk semua transaksi Pelan Pembayaran Ansuran (IPP), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), JomPay dan FPX, anda akan memperoleh 1X TBP untuk setiap transaksi RM1.

• Kemudahan E-Hailing Lapangan Terbang

Kad Visa Signature dan Alliance Privilege Visa Signature tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut dan Perjanjian Pemegang Kad Kredit.

- a) 2 perjalanan e-hailing percuma ke lapangan terbang bernilai RM80 setiap perjalanan untuk perbelanjaan RM120,000 ke atas setahun. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Utama pada bulan berikutnya, setelah selesai tahun kalendar.

- b) Pembelian runcit adalah gabungan dari perbelanjaan Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan bagi setiap tahun dari 1 Januari hingga 31 Disember, yang disiarkan pada Penyata Kad Kredit.
- c) Kemudahan ini adalah bagi perkhidmatan e-hailing tempatan dan luar negara.

• **Akses Lounge Percuma**

Butiran Akses Lounge Percuma untuk Visa Infinite & Alliance Privilege Visa Signature adalah seperti berikut:

Jenis Kad	Kelayakan	Lokasi
Visa Infinite	2X akses bagi setiap tahun kalendar	Plaza Premium Lounge seluruh dunia
	1X akses bagi setiap tahun kalendar	Travel Club Lounge
Alliance Privilege Visa Signature	4X akses bagi setiap tahun kalendar	Plaza Premium Lounge seluruh dunia Plaza Premium First seluruh dunia
	2X akses bagi setiap tahun kalendar	Travel Club Lounge

- a) Akses Lounge Percuma adalah terbuka kepada semua Pemegang Kad Utama Visa Infinite dan Alliance Privilege Visa Signature sahaja.
- b) Kelayakan akan diperbaharui setiap tahun kalendar dan tidak akan dibawa ke tahun berikutnya.
- c) Untuk memasuki ke lounge, Pemegang kad yang layak mesti menunjukkan pasport atau MyKad, Kad Kredit Visa Infinite atau Kad Kredit Alliance Privilege Visa Signature dan pas masuk yang sah.
- d) Untuk melihat Terma dan Syarat penuh serta senarai lounge, sila rujuk laman web kami di <https://www.alliancebank.com.my>.

3. Apakah obligasi saya?

• **Bayaran bulanan minimum:** 5% dari baki tertunggak atau RM50, yang mana lebih tinggi.

*Nota: Jumlah ansuran bulanan yang dikontrakkan bagi setiap Pelan Pembayaran Ansuran (IPP), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), Pemindahan Baki dan Tunai Segera yang didaftarkan bermula dari 2 Oktober 2019 akan dimasukkan ke dalam Bayaran Bulanan Minimum Kad Kredit.

• **Tempoh tanpa caj kewangan:** anda boleh menikmati 20 hari tempoh percuma caj kewangan dari tarikh penyata untuk urusan runcit baru dengan syarat tiada baki tertunggak di dalam akaun Kad Kredit Alliance Bank, Akaun Pemindahan Baki dan Akaun Tunai Segera.

• Sekiranya anda tidak membayar jumlah sepenuhnya dan tepat pada masanya, caj kewangan atas pembelian runcit akan dikira dari tarikh pengeposan transaksi masing-masing.

• Tiada tempoh tanpa caj kewangan bagi Pendahuluan Tunai.

• Sebagai Ahli Kad Utama, anda bertanggungjawab terhadap semua urusan yang ditanggung oleh Ahli Kad Tambahan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Deskripsi				
	Jenis Kad	Visa (RM)		MasterCard (RM)	
		Utama	Tambahan	Utama	Tambahan
Yuran Tahunan (Tahun pertama dikecualikan)	Visa Infinite	438	Tiada Caj		
	Visa Signature	148	Tiada Caj		
	Visa Platinum	120	Tiada Caj		
	MasterCard Platinum			438	Tiada Caj
	MasterCard You:nique			148	30
	Emas	148	30	148	30
	Klasik	68	20	68	20
	Visa Asas	20	10		
Virtual Kad Kredit	Tiada Caj	-			
Pengecualian Yuran Tahunan & Syarat-syarat (Tanpa Kemudahan Pembiayaan Perumahan di Alliance Bank)	Jenis Kad	Keadaan 1: Perbelanjaan Minimum Setahun		Keadaan 2: Bilangan Leretan Minimum	
	Visa Infinite	RM12,000		-	
	Visa Signature	RM12,000		-	
	Visa Platinum	-		12	
	MasterCard Platinum	RM12,000		12	
	MasterCard You:nique	RM12,000		12	
	Emas	RM12,000		12	
	Klasik	RM12,000		12	
	Visa Asas	RM12,000		12	
Virtual Kad Kredit	-		-		

Nota: Pengecualian yuran tahunan sepanjang hayat tanpa sebarang syarat-syarat perbelanjaan untuk Virtual Kad Kredit, Alliance Privilege (Visa Infinite, Visa Signature dan Visa/ MasterCard Platinum) dan Ahli Alliance Personal (Visa Signature dan Visa/ MasterCard Platinum sahaja).

<p>Pengecualian Yuran Tahunan & Syarat-syarat</p> <p>(Pelanggan yang mempunyai Kemudahan Pembiayaan Perumahan di Alliance Bank)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman Perumahan Dengan Kad Kredit – Pengecualian yuran tahunan ditawarkan kepada pelanggan sepanjang tempoh pinjaman yang masih aktif. • Anda akan menikmati Pengecualian Yuran Tahunan tertakluk kepada syarat-syarat berikut: Anda mestilah membayar Pembiayaan Perumahan dengan kami pada setiap masa dan setelah menerima Kad Kredit Alliance Bank. Anda bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian Kad Kredit Alliance Bank (satu salinan akan dihantar bersama dengan Kad Kredit anda). • Sekiranya Pembiayaan Perumahan diklasifikasikan sebagai Pembiayaan Tidak Berbayar atau Pembiayaan Perumahan anda telah ditolak atau ditebus, Bank atas budi bicaranya membatalkan Kad Kredit atau mengenakan caj tahunan yang sepatutnya iaitu anda tidak lagi berhak menikmati pemansuhan yuran tahunan.
<p>Yuran Pendahuluan Tunai</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 5% dari jumlah pendahuluan tunai atau minimum RM15.00, yang mana lebih tinggi bagi setiap urusaniaga. • Pengeluaran Pendahuluan Tunai sehingga 80% daripada had kredit Kad anda. <p>Nota: Untuk Kad Business Platinum (Kod Produk: 590 sahaja), sehingga 75% daripada had Ahli Kad yang dinyatakan.</p>
<p>Yuran Penggantian Kad</p>	<p>RM15 setiap Kad Visa Asas RM50 setiap Kad Kredit yang lain-lain</p>
<p>Yuran Permintaan Penyata Kertas Tambahan</p>	<p>RM5.00 setiap salinan</p>
<p>Yuran Penukaran bagi Transaksi Luar Negar</p>	<p>Kad Visa Asas Urusniaga dalam mata wang asing perlu ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar penukaran dan caj yang ditentukan oleh Visa.</p> <p>Kad Kredit yang Lain-lain Urusniaga dalam mata wang asing perlu ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar penukaran dan caj yang ditentukan oleh MasterCard atau Visa dan hendaklah termasuk kos penukaran 1% oleh Alliance Bank.</p>
<p>Yuran Terlebih Had</p>	<p>Tidak Berkenaan</p>
<p>Cukai Perkhidmatan</p>	<p>RM25 untuk Kad Utama RM25 untuk Kad Tambahan</p> <p>Sila rujuk Yuran dan Caj dalam laman web kami untuk maklumat terkini: https://www.alliancebank.com.my</p>

5. Apa akan terjadi sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

a) Caj Penalti Bayaran Lewat:

- Minimum RM10 atau 1% dari jumlah baki tertunggak, yang lebih tinggi, sehingga maksimum RM100.

b) Hak Tolak Selesai:

- Kami berhak menolak selesai apa jua baki kredit dalam akaun salinan yang dikekalkan dengan kami untuk menjelaskan baki tertunggak dalam akaun Kad Kredit Alliance Bank ini.

c) Liabiliti ke atas transaksi tidak dibenarkan:

- Anda tidak akan bertanggungjawab ke atas transaksi tidak dibenarkan kad dikemukakan yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan atau penggunaan Kad Kredit tanpa sentuh DENGAN SYARAT ANDA TIDAK:
- Melakukan penipuan;
- Lewat dalam memaklumkan Alliance Bank dengan secepat mungkin selepas menyedari akan kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad anda;
- Secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
- Merekodkan PIN di atas Kad atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
- Meninggalkan Kad atau barangan yang mengandungi Kad tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- Secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad anda.

d) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, anda dikehendaki untuk menjaga dengan cermat Kad anda walaupun di kediaman anda sendiri.

e) Anda hendaklah memaklumkan pihak Alliance Bank dengan serta merta apabila menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut adalah transaksi tidak dibenarkan.

f) Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan oleh Alliance Bank atas penggunaan Kad anda, Alliance Bank berhak untuk menamatkan Kad anda.

6. Apakah akan terjadi sekiranya saya membayar baki yang tinggal dari ada Pemindahan Baki atau bayaran ansuran Tunai Segera sebelum ia matang?

- Sekiranya anda menyelesaikan baki tertunggak untuk Program Pemindahan Baki atau bayaran ansuran Tunai Segera sebelum tarikh kematangan, anda tidak akan dikenakan Penalti Penyelesaian Awal.

7. Apakah risiko utama?

- Dengan hanya membayar bayaran bulanan minimum, jumlah faedah dan tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan jumlah penuh akan meningkat. Anda harus pertimbangkan kemampuan pembayaran balik ketika menggunakan Kad anda.
- Sekiranya anda menggunakan Kad anda untuk membuat pembayaran ke atas pembiayaan yang lain, anda mungkin dikenakan caj yang lebih.
- Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak Kad anda adalah berdasarkan struktur harga bertingkat menurut sejarah pembayaran balik anda. Sekiranya anda menghadapi masalah untuk membayar baki tertunggak Kad Kredit anda, sila hubungi kami untuk mendapatkan penyelesaian alternatif.
- Sila laporkan kehilangan atau kecurian Kad Kredit anda kepada Alliance Bank serta-merta.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan kepada butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda menghubungi kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan surat-menyurat diterima tepat pada masanya.
- Anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan Alliance Bank di 03-5516 9988 atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda.

9. Di manakah boleh saya mendapat maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternative pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Bahagian Pengutipan Alliance Bank,

Alamat : 3 Alliance, Tingkat 1,
3, Jalan SS15/2A,
47500 Subang Jaya, Selangor.

Tel. : 03-5516 9288
Faks : 03-5516 9388
Emel : collectionscreditcard@alliancefg.com
Laman web : www.alliancebank.com.my

- Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula pinjaman untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat: Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2616 7766
Emel : enquiry@akpk.org.my
Laman web : www.akpk.org.my

- Anda juga boleh menyertai Program "Pengurusan Wang Ringgit Anda" (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK dan menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan hemah kepada individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi AKPK di +603 2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Khidmat Pelanggan Alliance Bank,

Alamat : 3 Alliance, Tingkat 1,
3, Jalan SS15/2A,
47500 Subang Jaya, Selangor.

Tel. : 03-5516 9988
Faks : 03-5621 5624
Emel : info@alliancefg.com
Laman web : www.alliancebank.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak di selesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK atau Ombudsman for Financial Services (OFS) di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel. : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
Emel : bnmtelexlink@bnm.gov.my

Ombudsman for Financial Services
Alamat : Level 14, Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2272 2811
Faks : 03-2272 1577
Emel : enquiry@ofs.org.my

10. Dimana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda inginkan maklumat lanjut tentang kad kredit, sila rujuk risalah maklumat perbankan tentang “Kad Kredit”, yang terdapat di semua cawangan-cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Alamat : Alliance Bank Contact Centre,
3 Alliance, Tingkat 1,
3, Jalan SS15/2A,
47500 Subang Jaya, Selangor.

Tel. : 03-5516 9988
Faks : 03-5621 5624
Emel : info@alliancefg.com
Laman web : www.alliancebank.com.my

11. “Cara pengungkapan / komunikasi” dan “komunikasi berterusan oleh pihak Bank”.

- Pihak Bank berhak dari masa ke semasa, mengubah, menambah, menghapus atau mengubah kadar, yuran, caj serta terma dan syarat apa pun, yang tidak disebut secara khusus di mana jua tempat, dengan memberitahu Pemegang Kad mengenai hal tersebut melalui pemberian notis sama ada melalui penyata kad kredit bulanan atau secara elektronik atau sebaliknya.

12. Adakah terdapat Kad Kredit yang lain ditawarkan?

- Sila rujuk jadual di bawah perkara 4 di atas.

NOTA MUSTAHAK: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR BALIK HUTANG KAD KREDIT ANDA DENGAN SEWAJARNYA

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Pendedahan ini sah setakat **22 Ogos 2024**.